

Trans Eastern Kedah Interland akan dilaksana tahun ini

BH - 15 JUL 2003

KUALA LUMPUR: Fasa pertama pembinaan jalan raya Trans Eastern Kedah Interland bagi memajukan timur negeri itu akan dimulakan menjelang hujung tahun ini.

Pembinaan jalan sepanjang 44 kilometer dari Durian Burung, Kuala Nerang ke Pedu itu akan menggunakan teknologi 'plain concrete pavement' dari Australia.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata tender fasa pertama dianggarkan bernilai RM250 juta dianugerahkan kepada sebuah syarikat kerjasama antara Bina Darul Aman Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan Pembinaan Kery Sdn Bhd.

"Setakat ini surat niat sudah diserahkan. Apabila semuanya selesai, projek akan dimulakan hujung tahun ini.

"Bagaimanapun, kos projek itu masih dalam peringkat perundingan. Ini kerana teknologi itu mahal tetapi dari aspek penyelenggaraan, ia menjimatkan," katanya selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 606 pegawai dan kakitangan kementerian itu di ibu pejabat kementerian itu, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Izuddin Dali dan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Tan Sri Zaini Omar.

Samy Vellu berkata, meskipun teknologi berkenaan sudah digunakan dalam pembinaan beberapa bahagian Lebuhraya Utara-Selatan, seperti di Gurun, Kedah, teknologi itu dikenal pasti mampu mengurangkan kos penyelenggaraan.

Projek Trans Eastern Kedah Interland dilaksanakan berdasarkan pembinaan Kota Putra, iaitu pintu sempadan kedua antara Kedah dengan Thailand di Durian Burung, dekat Kuala Nerang. Ia membabitkan pembinaan Kompleks Jabatan Imigresen dan Kastam (CIQ) dan beberapa kemudahan lain.

Minggu lalu, ketika melawat projek Kota Putra, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pembukaan pintu sempadan itu dipercepat.

Perdana Menteri berkata, kemudahan utama di situ seperti pembinaan CIQ dan jalan raya menghubungkan Durian Burung-Baling dan ke selatan Semenanjung perlu didahulukan.

Ini kerana Malaysia masih ketinggalan dari aspek penyediaan jalan raya di situ berbanding Thailand yang sudah menyiapkan laluan dari Songkhla ke sempadan berkenaan.